

08 OCT 2002

Syed Hamid-Singapura

S'PURA AKUI M'SIA MEMPUNYAI HAK SEMAK SEMULA HARGA AIR

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Singapura bersetuju bahawa Malaysia mempunyai hak untuk menyemak semula harga air yang dibekalkan ke republik itu dan turut bersetuju isu itu diselesaikan secara berasingan daripada isu lain, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Yang kita hendak bincang (kini) ialah apakah harga yang dapat diterima kedua-dua pihak, tetapi mereka mahu lihat sekali lagi pembentangan hujah kita untuk menetapkan harga air," katanya pada sidang media di lobi Parlimen hari ini.

Beliau mengulas pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama rakan sejawatannya Goh Chok Tong di Putrajaya dekat sini.

Rundingan peringkat pegawai dan Menteri Luar antara kedua-dua negara bagi pusingan ketiga rundingan dua hala mereka, dijadual berlangsung pertengahan bulan ini di sini dan akan menumpukan kepada satu isu utama -- air.

Malaysia dan Singapura menandatangani dua perjanjian pada 1961 dan 1962 yang akan dikaji semula.

Malaysia menjual air mentah pada harga tiga sen bagi 1,000 gelen ke republik itu dan membeli semula air rawatan dengan harga 50 sen bagi 1,000 gelen air.

Syed Hamid berkata keutamaan sekarang ialah bagi menetapkan harga air sahaja manakala kuantiti yang akan dibekalkan akan ditentukan kemudian.

Katanya Singapura kini hanya mengharapkan Malaysia membekalkan 250,000 gelen air sehari berikutan keupayaan negara itu mengeluarkan NEWater, air yang diproses daripada sisa kumbahan.

Sebelum ini, Malaysia bersetuju mahu membekalkan 350,000 gelen sehari walaupun Singapura pernah meminta sejumlah 750,000 gelen.

"Soal berapa banyak kita hendak bekalkan tidak menjadi satu perkara pertikaian atau perbalahan, apa yang belum dapat kita buat keputusan ialah harga air yang dianggap sesuai dan berpatutan," kata Syed Hamid.

Beliau berkata Malaysia akan menetapkan harga air menerusi pendekatan yang diminta Singapura seperti kadar yang kompetitif, mengikut pasaran dan berasaskan sumber alternatif.

Syed Hamid berkata pada pertemuan itu, Dr Mahathir dan Goh turut menyentuh isu keganasan dan kumpulan militan di Malaysia dan Singapura serta rantau ini.

Katanya Goh yang menjelaskan langkah-langkah yang diambil Singapura turut meminta pandangan Dr Mahathir bagaimana mahu menangani kegiatan keganasan secara bersama.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa Malaysia sentiasa memberi sokongan kepada republik itu di samping bertukar pengalaman dan menjalinkan kerjasama menangani keganasan yang dilihat boleh menjejaskan minat pelabur asing serta membawa kesan ekonomi kepada rantau ini, katanya.

-- BERNAMA

RZS HS RON